

Bil. S 15

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(PENGANTUNGAN), 2006**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran.
  2. Pengantungan Perkara-Perkara 8A dan 9(2), (4) dan (5) dari Perlembagaan I.
  3. Tugas-tugas lain Majlis Mesyuarat Di-Raja di bawah Perkara 6(1)/c).
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(PENGGANTUNGAN), 2006**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Penggantungan), 2006.

**Penggantungan Perkara-Perkara 8A dan 9(2), (4) dan (5) dari Perlembagaan I.**

2. Peruntukan-peruntukan Perkara 8A dan Fasal-Fasal (2), (4) dan (5) Perkara 9 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam adalah digantung.

**Tugas-tugas lain Majlis Mesyuarat Di-Raja di bawah Perkara 6(1)(c).**

3. (1) Menurut Fasal kecil (c) Fasal (1) Perkara 6, dan selagi peruntukan-peruntukan yang disebut dalam bab 2 digantung, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini memberi tugas kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja untuk menyebarkan nasihat kepada Baginda berhubung dengan perjalanan kuasa-kuasa Baginda di bawah Fasal (1) Perkara 9 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

(2) Pada menjalankan tugas tersebut —

(a) Majlis Mesyuarat Di-Raja hendaklah mengarahkan Peguam Negara untuk memberi kepadanya sebarang maklumat yang mungkin ada pada pihak pendakwa berkenaan dengan mana-mana pesalah yang telah dijatuhkan hukuman mati yang mungkin penting berhubung dengan pesalah itu pada menjalankan kuasa-kuasa yang terletak dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah Fasal (1) Perkara 9 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam;

(b) sebelum menghadapkan nasihatnya mengenai mana-mana perkara, Majlis Mesyuarat Di-Raja hendaklah menimbangkan mana-mana pendapat bertulis yang mungkin telah diberikan oleh Peguam Negara mengenainya dari segi undang-undang yang boleh dikenakan dan oleh Mufti Kerajaan mengenai sebarang aspek hukum Ugama Islam.

(3) Bagi mengelakkan sebarang kewahaman, pada menjalankan kuasa-kuasa Baginda di bawah Fasal (1) Perkara 9 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh mengambil kira, tetapi tidak terikat untuk bertindak menurut, nasihat Majlis Mesyuarat Di-Raja.

Diperbuat pada hari ini 22 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 21 haribulan Februari, 2006 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM